**Disahkan oleh:**

**.........................................................**
**Mohamad Azrol Mohamad Dali**
**Timbalan Pengarah**
**Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)**
**15/12/2020**

MPB
LEMBAGA LADA MALAYSIA

# GARIS PANDUAN

# PERMOHONAN DAFTAR PEDAGANG LADA

# 2021

*Tarikh dikemaskini: 4 Disember 2020*

*Tarikh: kuatkuasa 1 Januari 2021*

# GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAFTAR PEDAGANG LADA

## 1.0 PENGENALAN

1.1 Lembaga Lada Malaysia di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) merupakan salah satu agensi yang bertanggung jawab untuk mengawal selia pasaran lada *(piper nigrum )* tempatan di bawah Akta Lembaga Lada Malaysia 2006 (Akta 656) bagi tujuan pembangunan pemasaran dan perniagaan lada selari dengan tuntutan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

1.2 Penguatkuasaan peraturan mengenai Daftar Pedagang Lada ini juga bertujuan untuk menggalakkan kegiatan sosio-ekonomi yang lestari dan pengumpulan maklumat ke arah perancangan dasar pembangunan industri lada yang lebih mampan.

## 2.0 KETERANGAN UMUM LESEN PEDAGANG LADA

### 2.1 Perniagaan Lada yang Didaftarkan

Daftar bagi perniagaan lada terpakai di seluruh Malaysia dan ianya dikeluarkan oleh Lembaga Lada Malaysia bagi perniagaan seperti berikut;

i. Membeli lada,
ii. Mengeksport lada,
iii. Mengimport lada,
iv. Menjual lada,
v. Mengilang lada, dan
vi. Menyimpan lada

### 2.2 Keperluan Tambahan Untuk Eksport dan Import Lada

Beberapa keterangan khas untuk **eksport** dan **import** perlu dirujuk kepada Lembaga Lada Malaysia untuk konsainan lada yang diniagakan seperti ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Lada Malaysia (Pelesenan, Permit dan Penggredan) 2020.

### 2.3 Eksport Komoditi Lada

MPB adalah salah satu *Permit Issuance Agency (PIA)* untuk Sistem u-Customs di bawah selia Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

**a. Kod HS**

Kod HS berkaitan senarai jenis dan kategori produk lada yang memerlukan permit/perakuan sijil gred lada untuk eksport daripada Lembaga Lada Malaysia dan undang-undang lain berkaitan.

| **Bil** | **Keterangan Produk Lada** | **HS Code 2012** | **Akta Makanan 1983** | **Perintah Kastam** | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | **Larangan Import** | **Larangan Eksport** |
| *1* | *---Pepper: Neither crushed nor ground* | | | | |
| | *---White* | *0904.11.200* | *MRLs* | - | - |
| | *--- Black* | *0904.11.300* | *MRLs* | - | - |
| | *--- Other* | *0904.11.900* | *MRLs* | - | - |
| *2* | *---Pepper: Crushed or ground* | | | | |
| | *---White* | *0904.12.100* | *MRLs* | - | - |
| | *--- Black* | *0904.12.200* | *MRLs* | - | - |
| | *--- Other* | *0904.12.900* | *MRLs* | - | - |

**b. Permit Eksport**

Permit eksport diperlukan untuk konsainan produk lada di bawah Kod HS 0904.11.900, 0904.12.100, 0904.12.200 dan 0904.12.900. Permit dikeluarkan kepada pedagang lada berlesen yang mengeksport lada yang kuantitinya **kurang** daripada 500kg bagi satu-satu konsainan urusniaga.

**c. Sijil Gred Lada**

Permit eksport lada dikeluarkan berdasarkan dokumen Sijil Gred Lada untuk konsainan produk lada di bawah Kod HS 0904.11.200 dan

0904.11.300 dalam kuantiti pukal , iaitu **melebihi** 500kg bagi satu-satu konsainan urusniaga.

**d. Syarat-syarat Permohonan Eksport Lada**

i. Pemohon mestilah Pedagang Lada yang diluluskan berdaftar di Lembaga Lada Malaysia;

ii. Permohonan dan kelulusan eksport lada boleh dibuat secara atas talian (online) melalui laman sesawang iaitu www.mpb.gov.my di **Sistem e-Penggredan & Permit Lada (Sistem e-PP)** setelah memenuhi ketetapan-ketetapan permit atau penggredan dalam peraturan berkaitan **;**

iii. Sistem e-Penggredan & Permit Lada (Sistem e-PP) boleh diakses melalui akaun diberikan kepada Pedagang Lada berdaftar di MPB sahaja.

iv. Setelah pendaftaran lengkap, pemohon diberikan maklumat akses *(username and password*) bagi membolehkan pemohon membuat permohonan.

v. Pemohon daftar masuk ke dalam sistem e-PP dan melengkapkan semua maklumat yang diperlukan.

vi. Permohonan untuk eksport yang lengkap akan diproses. Jika tidak lengkap, pemohon akan dimaklumkan tentang maklumat yang diperlukan.

**e. Semakan Keputusan Permohonan**

i. Pemohon hendaklah menyemak status keputusan permohonan melalui Sistem e-PP;

ii. Maklumat kelulusan permit atau sijil gred lada akan didaftarkan untuk pengikraran Kastam.

iii. Salinan cetakan *(hardcopy)* permit atau sijil gred lada dikeluarkan setelah permohonan lulus untuk tujuan invois dan pembayaran fi perkhidmatan ke pejabat Lembaga Lada Malaysia di mana permohonan diuruskan.

## 2.4 Import Komoditi Lada

**a. Kod HS**

Berikut adalah Kod HS senarai jenis dan kategori produk lada yang memerlukan permit import yang daripada Lembaga Lada Malaysia;

| Bil | Keterangan Produk Lada | HS Code 2012 | Akta Makanan 1983 | Perintah Kastam | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Larangan Import | Larangan Eksport |
| 1 | *---Pepper: Neither crushed nor ground* | | | | |
| | *---White* | 0904.11.200 | MRLs | - | - |
| | *--- Black* | 0904.11.300 | MRLs | - | - |
| | *--- Other* | 0904.11.900 | MRLs | - | - |
| 2 | *---Pepper: Crushed or ground* | | | | |
| | *---White* | 0904.12.100 | MRLs | - | - |
| | *--- Black* | 0904.12.200 | MRLs | - | - |
| | *--- Other* | 0904.12.900 | MRLs | - | - |

`

Nota: MRLs – *Maximum Residue Limits* yang merujuk kepada keterangan dalam Akta Makanan 1983 (Akta 281).

**b. Proses Permohonan**

**Maklumat Umum**

i. Permohonan dan kelulusan permit import adalah secara atas talian (online) melalui laman sesawang iaitu www.mpb.gov.my di **Sistem e-Penggredan & Permit Lada (Sistem e-PP)**.

ii. Sistem e-Penggredan & Permit Lada (Sistem e-PP) boleh diakses dan dimohon oleh pengguna yang berdaftar sahaja.

**b. Syarat-syarat pemohon**

i. Pemohon mestilah Pedagang Lada yang berdaftar Lembaga di Lada Malaysia.

ii. Jika pendaftaran lengkap, pemohon diberikan maklumat akses (username and password) bagi membolehkan pemohon membuat permohonan secara online atau manual di pejabat terdekat MPB.

iii. Pemohon boleh memilih item yang hendak diimport dari senarai jenis dan kategori produk lada dengan menyatakan Kod HS berkenaan dan butiran yang diperlukan.

iv. Permohonan permit import yang lengkap akan diproses. Jika tidak lengkap, pemohon akan dimaklumkan tentang maklumat yang diperlukan.

v. Permit diproses akan melalui dua peringkat proses iaitu verifikasi (semakan) mengikut parameter import lada yang ditetapkan dan Ketetapan Had Residu Maksimum (MRLs) bagi pertimbangan kelulusan oleh Ketua Pengarah.

Butiran Parameter Import Lada adalah seperi di **Lampiran 3.**

c. ***Pre-Shipment Sample***

Pemohon hendahlah menyediakan sampel *(pre-shipment sample)* untuk verifikasi meliputi perkara seperti berikut;

i. Pemohon dikehendaki mengemukakan sampel lada sebanyak satu (1) kilogram yang dimeterai *(seal)* daripada pembekal (negara luar yang menjual/mengeluar lada).

ii. Sampel tersebut perlu dikemukakan bersama borang permohonan permit import dan dihantar kepada MPB sebelum pengeksportan konsainmen lada ke Malaysia dilaksanakan.

iii. Keputusan Analisa Makmal sampel tersebut digunakan untuk menentukan tahap Had Maksima Residu (MRLs), gred lada dan sebagainya sebelum lada dibenarkan diimport ke Malaysia.

iv. Pemohon tidak boleh mengimport lada secara kumulatif melebihi kouta yang ditetapkan oleh MPB dalam tempoh satu tahunan perniagaan.

d. **Semakan Keputusan Permohonan**

i. Pemohon hendaklah menyemak status keputusan permohonan melalui Sistem e-PP.

ii. Maklumat kelulusan permit akan didaftarkan untuk pengikraran Kastam.

iii. Salinan cetakan *(hardcopy)* permit dikeluarkan setelah permohonan lulus untuk tujuan invois dan pembayaran fi perkhidmatan ke Lembaga Lada Malaysia.

### 2.5 Skop Produk Lada Yang Dikawal Selia

i. Biji atau serbuk lada hitam yang kering
ii. Biji atau serbuk lada putih yang kering

## 3.0 PROSES PERMOHONAN

### 3.1 Maklumat Umum

3.1.1 Borang Permohonan boleh didapati melalui laman sesawang iaitu www.mpb.gov.my.

3.1.2 Cetakan Borang Permohonan yang lengkap diisi dan disertakan bersama dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan yang telah diimbas *(scanned)* boleh dikemukakan ke emel lesen@mpb.gov.my.

3.13 Verifikasi dokumen dan lapangan akan dijalankan oleh pegawai MPB untuk tujuan kelulusan.

### 3.2 Syarat-syarat SEBELUM Permohonan

3.2.1 Pemohon mestilah warganegara Malaysia.

3.2.2 Dokumen sokongan yang diperlukan semasa memohon lesen

i. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM dan Pihak Berkuasa Tempatan
ii. Salinan Memorandum dan Perkara (M&A) untuk Syarikat Sdn.Bhd/Berhad.
iii. Salinan kad pengenalan, penyata bank/buku simpanan (pemohon individu sahaja)
iv. Pelan lokasi premis cadangan
v. Salinan Geran Tanah/Surat Kebenaran Sewa Bangunan untuk perniagaan dalam cadangan.

3.2.3 Borang Permohonan Lesen/Daftar Pedagang Lada adalah seperti di **Lampiran 1.**

3.2.4 Carta Aliran Permohonan Lesen/Daftar Pedagang Lada adalah seperti **Lampiran 2.**

## 4.0 Keputusan Permohonan

4.1 Pemohon berjaya akan dimaklumkan **secara bertulis** dan akuan penerimaan dikembalikan kepada pejabat MPB dalam masa 14 hari dari tarikh surat dikeluarkan.

4.2 Penerimaan pemohon sebagai Pedagang Lada Berlesen mesti dilampirkan dengan bukti bayaran fi mengikut amaun ditetapkan dalam peraturan.

4.3 Salinan Asal Lesen Pedagang Lada yang dikeluarkan akan diserahkan kepada pemohon dan perniagaannya didaftarkan dalam Sistem e-Pelesenan Lada (e-PL).

## 5.0 Piagam Pelanggan Untuk Permohonan Lesen Pedagang Lada

5.1 Semua Permohonan Lesen Pedagang Lada yang lengkap akan diproses dalam tempoh **7 hari bekerja**.

5.2 Tempoh masa memproses permohonan tidak termasuk hari permohonan dihantar serta hari kelepasan am dan cuti umum.

## 6.0 Penolakan Permohonan

6.1 Permohonan untuk Lesen Pedagang Lada akan ditolak sekiranya;

i. terdapat maklumat permohonan yang salah/tidak tepat/diragui;

ii. tiada maklumat/dokumen sokongan yang diperlukan dalam proses yang ditetapkan; dan/atau

iii. pemohon mempunyai rekod kesalahan /perlanggaran akta/syarat yang masih dalam siasatan/belum selesai.

## 7.0 Tempoh Sah Lesen Pedagang Lada yang Diluluskan

7.1 Tempoh sah Lesen Pedagang Lada yang diluluskan adalah 12 bulan dari tarikh lesen tersebut berkuat kuasa.

7.2 Permohonan pembaharuan Lesen Pedagang Lada secara tahunan adalah secara tahunan dengan tidak melebihi tempoh 36 bulan (3 tahun).

## 8. Fi, Terma dan Syarat Pedagang Lada Berlesen/Berdaftar di Lembaga Lada Malaysia.

Tidak ada fi dikenakan sehingga lesen dan daftar perniagaan sebagai Pedagang Lada dimuktamadkan oleh MPB. Tanggung jawap dan pematuhan kepada peraturan-peraturan ditetapkan oleh Lembaga Lada Malaysia adalah;

i. Terma dan Syarat Pedagang Lada Berlesen/Berdaftar di Lembaga Lada Malaysia.di Lampiran 3; dan

ii. Senarai Fi dikenakan di Lampiran 4.

Sebarang pertanyaan berkenaan Lesen Pedagang Lada, sila hubungi;

Cawangan Kawal Selia Pasaran
Bahagian Pembangunan Pasaran Dan Perniagaan
Lembaga Lada Malaysia

Tel: 082-362370/366871
Emel: lesen@mpb.gov.my

Alamat;

Lot 1115 Jalan Utama
Tanah Putih
93450 Kuching, Sarawak
Tel: 082-331811
Faks: 082-336877

LAMPIRAN 1

Form A

# APPLICATION FOR LICENCE

***SECTION 53 & 73; MALAYSIAN PEPPER BOARD ACT 2006 and***
***MALAYSIAN PEPPER BOARD (LICENSING, PERMIT AND GRADING) REGULATIONS 2020***

*Applicant Passport Size Photo*

## PART A: APPLICANT DETAILS

**1 Name**

**WN NRIC No**

**2 Company Name/Business Registration**

**Company/Business Registration No.**

**3 Business Category (Please tick √)**

☐ Sole proprietor ☐ Partnership ☐ Private Limited/Unlimited

☐ Government Link Company ☐ Cooperative ☐ Association

**4 Bank**

*Account No.*

**5 Name and Address of the Premise**

Postcode

i. Telephone

iii. Handphone

ii. Facsimile

iv. e-mail

## PART B: License Category

| License Code | Category of Licensee | Business Activities | Fee | (Please tick √ ) |
|---|---|---|---|---|
| MPB/L1 | Exporter and | Purchasing, selling, importing, exporting, or manufacturing and storing of pepper in bulk | RM100 annually | ☐ |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Importer | quantity. However, the limits for importing pepper is not more than 1,000 metric tonnes within a year. | | |
| MPB/L2 | Dealer | Purchasing, selling, and storing pepper with bulk quantity more than 500 kg at any one time . | RM100 annually | ☐ |
| MPB/L3 | Retailer/ SME | Purchasing, selling, importing, exporting or manufacturing and storing pepper with bulk quantity more than 500 kg at any one time | RM100 annually | ☐ |
| MPB/L4 | Pepper Planter | Purchasing, selling, and storing pepper with bulk quantity more than 500 kg at any one time | RM10 annually | ☐ |

**PART C: The list of supporting documents that need to submit along with the application**

(a) A copy of the applicant's National Registration Identity Card.
(b) A copy of the Trade Licensed granted by the local authority or the Companies Commission of Malaysia.
(c) A copy of the Tenancy Agreement or MOU of the intended premise(s) of business.

**PART D: Applicant Declaration.**

I hereby declare that the information given in this application is true and correct to the best of my knowledge and belief. In case any information given in this application proves to be false or incorrect, I shall be responsible for the consequences.

Date:......................................

.........................................................
Signature, Name of Applicant and Stamp for the Company

**PART E For office use only**

| No. | Item | Officer | Comment/Review | Signature |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Date of application received | | | |
| 2 | Processed by MPB Office (state the branch) | | | |
| 3 | Processed by Authorized officer | | | |
| 4 | Approved by | | | |
| 5 | Licence No and Date | | | |
| 7 | Receipt No. of Licence Fee | | | |
| 8 | Licence File no. | | | |
| 9 | Update the Licence Registration. | | | |

Lampiran 2

## CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN/ DAFTAR PEDAGANG LADA

## LEMBAGA LADA MALAYSIA

| Langkah | Tanggungjawab (Cadangan masa yang diambil) | Aktiviti |
|---|---|---|
| | | **MULA** |
| Langkah 1 | **Pemohon** (1 jam bekerja) | Memuat turun/Mendapatkan Garis Panduan Permohonan Lesen Pedagang Lada di laman sesawang MPB www.mpb.gov.my |
| Langkah 2 | **Pemohon** (1 hari bekerja) | Menyediakan dokumen sokongan yang berkaitan<br>1. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Lesen Perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM dan Pihak Berkuasa Tempatan<br>2. Salinan Memorandum dan Perkara (M&A) untuk Syarikat Sdn.Bhd/Berhad.<br>3. Salinan kad pengenalan, penyata bank/buku simpanan (pemohon individu sahaja)<br>4. Pelan lokasi premis cadangan<br>5. Salinan Geran Tanah/Surat Kebenaran Sewa Bangunan untuk perniagaan dalam cadangan. |
| Langkah 3 | **Pemohon** (2 jam bekerja) | Mendapatkan/memuat turun Borang Pendaftaran Pedagang Lada di laman sesawang MPB www.mpb.gov.my. Mengisi butiran yang diperlukan. |
| Langkah 4 | **Pemohon** (2 jam bekerja) | Mengimbas (scan) borang pendaftaran yang lengkap dan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan. Dokumen-dokumen yang telah diimbas mestilah dihantar kepada MPB menerusi emel lesen@mpc.gov.my<br><br>Nota:<br><br>Dokumen permohonan juga boleh dikemukan secara hand-delivery atau melalui khidmat pos/kurier ke mana-mana pejabat cawangan |

| | | |
|---|---|---|
| | | MPB terdekat. |
| | | ↓ |
| Langkah 5 | **Cawangan Kawal Selia Pasaran, MPB**<br>(7 hari bekerja) | Permohonan diproses sekiranya permohonan lengkap dan semua dokumen sokongan diterima dan verifikasi premis perniagaan diijalankan oleh pihak MPB. |
| | | ↓ |
| Langkah 6 | **Pemohon**<br>(1 jam bekerja) | Apabila permohonan diluluskan dan dimaklumkan secara bertulis oleh MPB, hantar Akuan Penerimaan dan bukti bayaran fi kepada MPB dalam masa 14 hari.<br><br>Nota:<br><br>**i.** Menghantar Akuan Penerimaan melalui emel di lesen@mpg.gov.my<br>**ii.** Bayaran fi yang perlu dijelaskan kepada secara tunai dengan resit rasmi MPB; atau<br>**iii.** Online payment ke Akaun Lembaga Lada Malaysia yang dinyatakan dalam surat Pemberitahuan Kelulusan. |
| | | ↓ |
| Langkah 7 | **Pemohon**<br>(1 jam bekerja) | Menerima salinan asal Lesen Pedagang Lada.<br><br>**Nota:**<br><br>Aku peneimaan dibuat secara melalui emel di lesen@mpb.gov.my atau secara manual ke pejabat cawangan MPB terdekat pada waktu pejabat. |
| | | ↓ |

**TAMAT**

Lampiran 3

**Terms and Conditions of the Licence**

1. *The licensee shall display the license conspicuously at the registered premise of business specified in the licence.*

2. *The licensee shall not purchase, store, or allow storing pepper at any premises other than premises stated in the license.*

3. *The licensee shall display the business signage, the price board according to the Board's format at a conspicuous place at the premises as stated in the license, showing his full name or company name as appearing in the licence in Roman letter and the words;*

   **"PEDAGANG LADA BERLESEN" or "LICENSED PEPPER TRADER"**

4. *The licensee shall display the price board according to the format approved by the Board, which shows his purchasing price for the respective grade and type of pepper for each day. The price shall reflective of the updated and the most competitive price for that locality for that day.*

5. *The price shown on the Price board for the respective grade and type of pepper shall be the minimum purchasing price offer by the license holder for that day*.

6. *The licensee shall issue receipts, for every purchase made of more than five kilograms and upon every receipts pepper for storage, as prescribed by the Board the Resit Belian Lada (RBL) .*

7. *Except for export , the licensee shall issue a delivery note, upon removal of pepper from any place of storage specified in the licence and irrespective of whether the pepper is being removed following it sale or is being removed for storage by another person as prescribed by the Board in the Nota Penghantaran Lada (NP) .*

8. *The licensee shall keep in the premises specified in the licence a register,), within* ***seventy-two hours*** *of each purchase, sale, export, receipt for or removal from storage, of pepper, relevant entries as prescribed by the Board in the Daftar Harian Perniagaan Lada (DH) .*

9. *Whenever a licensee purchases pepper in gunny sacks or any other container he shall;*

   *(a) deduct not more than 1.2 kg of each gunny sack, which or actual weight of whatever types container used.*

*(b) either return the gunny sack to the seller, or replace it with one of equivalent quality, or adequately compensate him for the cost of the gunny sack and similarly for any other container used.*

10. *In purchasing and selling pepper, the license holder shall be using a verified weighing scale for the year in which it is used by the relevant authority for weights and measures, and agreed to by the Board.*

11. *The licensee shall refer to a Bulk Density (gm/1litre) measurement for determining the grade of black pepper.*

12. *The licensee should make payment in cash term for all pepper purchases unless the seller agreed otherwise.*

13. *The licensee shall not adulterate or contaminate any pepper that can be downgrading its quality which belongs to him or under his custody and should report to the Board the details of any person selling, offer to him for sale or safe-keeping any pepper that adulterated or contaminated.*

14. *The licensee shall not deal in any pepper with a moisture content exceeding **sixteen percent** by weight as determined by the use of a moisture meter which has been calibrated using theToulene Method.*

15. *The licensee shall not deal with black pepper berries with more than **five percent** content when purchasing or selling the white pepper.*

16. *Except for export, the licensee shall sell pepper only to those licensed pepper traders.*
17. *In any dispute over price, payment, deduction, or quality assessment brought to the Board for its intervention, the licensee shall accept decision of the Board's authorized officer as final and conclusive, and such decision be given by the Board's officer in good faith and shall not render the Board liable in any way.*

18. *The licensee shall not through his employee purchase pepper outside his place of business specified in the licence except with an authorization card from the Board enabling the employee to purchase pepper, and such employee shall comply with the terms and conditions of the licence;*

19. *The licensee shall not appoint any agent to purchase pepper on his behalf without prior written approval of the Board.*

20. *The licensee shall, on demand by authorized officer of the Board, permit the officer to enter the premise(s) or place(s) of business or store(s) specified in his licence and allow the officer to inspect therein the stock of pepper, the weighing instruments used in pepper trading, the signboard and price board, the register and any other documents and records, to be issued, maintained or displayed by him under the terms and condition of his licence.*
21. *Any contravention or non-compliance of any provision of the Malaysian Pepper Board Regulations (License, Permit, and Grading) 2020 or any terms and conditions of the license by the licensee, his employee or agent shall render the licence to suspension or cancellation.*
22. *The licence form, all unused and partially - used books of the Resit Belian Lada (RBL) and Nota Penghantaran Lada (NP) shall be surrender to the Board upon expiry, withdrawal, suspension, or non-renewal of the licence..*

23. *This licence is nontransferable.*

Lampiran 4

**THIRD SCHEDULE**

(Regulation 39)

| No. | Regulation | Purpose/Activity | Fee (RM) | Descriptions |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Subregulation 5(2) or 6(4) | Issuance or renewal of Licence | 100.00 | Per annum |
| 2 | Paragraph 11(2)(b) | Application for certified copy of licence | 10.00 | Per application |
| 3 | Paragraph 13(2)(b) | Application to amend licence | 30.00 | Per application |
| 4 | Subregulation 19(2) | Export Permit | 10.00 | Imposed for each consigment. |
| 5 | Subregulation 19(2) | Import Permit | 500.00 | Imposed on per metric tons |
| 6 | Subregulation 19(2) | Removal Permit | 10.00 | Imposed for each consigment. |
| 7 | Subregulation 31 (3) | Grade certificate | 15.00 | Imposed for each 1 metric tons |